

TRADISI LISAN TIMANG GAWAI KELINGKANG NANGA DALAM MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK: SATU PENELITIAN AWAL

*(Oral Traditional of Timang Gawai Kelingkang Nanga among Iban
Community in Sarawak: Pliminary Observation)*

Jeniffer Empiang Liman^{1*}, Beatrice Anne Saga¹, Noria Tugang¹, Fujica Anggo¹

¹Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, Jalan Dtk Mohd Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

Pengarang Koresponden*: 17020074@siswa.unimas.my

Accepted: 1 December 2019 | Published: 15 December 2019

Abstrak: Masyarakat Iban merupakan sebuah masyarakat yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan warisan. Tradisi lisan merupakan salah satu warisan yang harus diketengahkan oleh masyarakat Iban kepada masyarakat luar. Kebanyakan tradisi lisan yang digunakan dalam masyarakat Iban mempunyai tujuan dan fungsi yang tertentu seperti timang. Timang digunakan oleh individu tertentu dalam pelaksanaan gawai. Timang merupakan tradisi lisan yang bersifat folklore. Oleh itu, timang hanya digunakan oleh masyarakat Iban dalam pelaksanaan gawai yang berkaitan dengan kepercayaan mereka seperti Gawai Kelingkang Nanga. Gawai Kelingkang Nanga merupakan sebuah gawai yang berstatus tertinggi di antara gawai yang lain dan berkait dengan keberanian lelaki Iban. Gawai tersebut hanya dapat dilaksanakan oleh individu yang telah mengetuai rombongan ngayau dan dikenali sebagai Tuai Kayau atau Tuai Serang. Dalam kajian ini, penyelidik lebih fokus dengan makna tersirat yang terdapat dalam leka timang Gawai Kelingkang Nanga dan kaedah pelestarian yang harus dititikberatkan bagi mengekalkan kewujudan leka timang tersebut. Selain itu, penyelidikan ini juga menerangkan secara ringkas kepentingan adat beburung dalam kepercayaan masyarakat Iban semasa menjalankan ekspedisi ngayau. Hal ini bertujuan untuk generasi yang akan datang agar mengetahui tentang perayaan dan leka timang Gawai Kelingkang Nanga. Penyelidikan ini memperoleh data terus daripada informan yang pakar dalam bidang tradisi lisan dan pengamal seperti lemambang.

Kata kunci: Tradisi lisan, Adat Beburung, Gawai Kelingkang Nanga, Kaedah Pelestarian.

Abstract: The Iban community is a community rich in cultural diversity and traditional heritage. Oral tradition is one of the heritage that should be expose to the world. Most of the oral traditions used in the Iban community have their own specific purposes and functions such as Timang. Timang is used by certain individuals during the gawai festival and known as a folklore oral tradition. Therefore, timang is only used by the Iban community during the Gawai Kelingkang Nanga. Gawai Kelingkang Nanga is the highest rank among the other gawai and associated with the bravery of Iban men. This gawai can only be performed by individuals who have led the troupe and known as Tuai Kayau and Tuai Serang. In this study, the researchers focused more on the meaning of the Gawai Kelingkang Nanga and the preservation methods to be taken in order to maintain the existence of Timang. In addition, this research also briefly describes the importance of indigenous peoples' beliefs (adat beburung) in the faith of the Iban community during a headhunting. It is intended for future